



Genting Malaysia Berhad Menandatangani Perjanjian Kolektif Ke-14 dengan Kesatuan Pekerja-Pekerja Genting Malaysia

Kuala Lumpur, 1 Disember 2025 – Genting Malaysia Berhad (GENM) hari ini memuktamadkan Perjanjian Kolektif (CA) ke-14 dengan Kesatuan Pekerja-Pekerja GENM dalam satu majlis menandatangani perjanjian yang berlangsung di Wisma Genting. Majlis tersebut turut disaksikan oleh YB Tuan Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia, yang menzahirkan komitmen berterusan kementerian dalam menyokong amalan tenaga kerja progresif serta menjalin hubungan kukuh antara majikan dan kesatuan pekerja.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh wakil daripada kedua-dua pihak GENM dan Kesatuan Pekerja. Menandatangani bagi pihak GENM ialah Encik Lee Thiam Kit, Timbalan Presiden, GENM; Encik Aaron Chia, Ketua Pegawai Operasi, Resorts World Genting; Encik Tan Boo Chuan, Naib Presiden Kanan – Sumber Manusia; dan Encik Yun Leong Yu, Naib Presiden – Tenaga Kerja & Pampasan, Resorts World Genting. Bagi pihak Kesatuan Pekerja GENM pula, perjanjian ditandatangani oleh Encik Sikindar bin Ibrahim, Presiden; Encik Mohd Isa bin Nordin, Timbalan Presiden; Encik Lawrence A/L Saiman, Setiausaha; dan Encik Tan Cheng Fei, Bendahari.

CA ke-14 ini mencerminkan kefahaman dan kerjasama berterusan antara GENM dan kesatuan, sekali gus mengukuhkan hubungan jangka panjang mereka serta memperteguh komitmen bersama terhadap kebajikan pekerja dan kestabilan organisasi.

Antara penambahbaikan utama di bawah CA baharu ini ialah peningkatan gaji minimum kepada RM1,800 sebulan, berbanding kadar statutori RM1,700. Perjanjian ini turut memperuntukkan pelarasan gaji sebanyak 10% bagi pekerja yang layak, dengan bayaran khas bagi pelarasan dari Ogos hingga Oktober 2025 akan disalurkan selewat-lewatnya pada 30 November 2025.

Peningkatan lain di bawah CA ke-14 merangkumi semakan elaun, pengembangan manfaat perubatan dan rawatan pesakit luar untuk pekerja serta ahli keluarga terdekat, penambahbaikan bayaran balik pengangkutan bagi tujuan rawatan perubatan,

peningkatan peruntukan faedah kematian, serta pelarasan terhadap kenaikan tahunan. Keseluruhan penambahbaikan ini mengukuhkan lagi komitmen syarikat dalam menyediakan pampasan dan faedah yang kompetitif untuk para pekerja.

CA baharu ini telah berkuat kuasa dari 1 Ogos 2025 dan akan berkekalan sehingga 31 Julai 2028, meliputi semua pekerja GENM yang telah disahkan. Ia menegaskan komitmen bersama antara syarikat dan kesatuan dalam mempertingkatkan keadaan tempat kerja, memelihara kebajikan pekerja serta memupuk kestabilan jangka panjang dalam organisasi.

“Para pekerja merupakan nadi Genting Malaysia Berhad, dan dedikasi serta komitmen mereka menjadikan kami bangga sebagai salah satu destinasi riadah dan hospitaliti terkemuka di Malaysia,” kata Encik Lee Thiam Kit, Timbalan Presiden GENM. “Perjanjian Kolektif bukan sekadar dokumen undang-undang; ia mencerminkan semangat kerjasama, persefahaman dan saling menghormati antara majikan dan pekerja. Ia menjadi asas kepada hubungan pekerjaan yang stabil, adil dan progresif.”

GENM kekal komited dalam memupuk persekitaran kerja yang progresif, menyokong usaha penambahbaikan berterusan dalam faedah pekerja serta memperkukuh kerjasama dengan Kesatuan Pekerja-Pekerja GENM pada tahun-tahun akan datang.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkembangan terkini di Resorts World Genting, layari rwgenting.com atau ikuti saluran media sosial rasmi RWG.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan

hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.